



# KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD

(Koop. Negara No. 66)

Ruj. Kami : KKMB/Pekeliling 4/18

Tarikh: 20.8.2018

Kepada :

**Pengerusi & Setiausaha Kawasan  
Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad**

Assalamualaikum wr. wbt / Salam sejahtera

Saudara / Saudari,

## **PEKELILING KOPERASI**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas,

Koperasi dengan ini ingin memaklumkan bahawa beberapa perkara telah dipersetujui oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 36 yang diadakan pada 26.5.2018 kepada anggota-anggotanya seperti berikut:-

### **1. TABUNG TABBARUK PERLINDUNGAN ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD**

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Kali Ke 36 yang lalu, telah bersetuju melaksanakan Aturan Tabbaruk Perlindungan Anggota-Anggota Koperasi Malaysia Berhad sebagaimana yang telah dibentangkan.

**TUJUAN** Tabung Tabbaruk Perlindungan Anggota-anggota ini diwujudkan ialah untuk merancang, menjalankan dan mengawal segala aktiviti yang berkaitan dengan Tabung Tabbaruk Perlindungan Anggota Koperasi. Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 45(2)(x) koperasi ini. Anggota-anggota diberikan beberapa pilihan bagi kadar bayaran caruman tabung Tabbaruk Perlindungan Anggota ini melalui cara:

- a. Potongan gaji majikan RM3.00 sebulan atau;
- b. Bayaran penuh sebanyak RM36.00 setahun.



2. **FAEDAH DAN MENAFAAT** tabung yang akan anggota perolehi seperti berikut:

- a. Menampung kekurangan Tabung Penyelamat Penjamin dan Simpanan anggota dalam membiayai hutang-hutang anggota sekiranya meninggal dunia.
- b. Memberi sumbangan/bantuan dalam bentuk material atau wang tunai anak dan waris anggota yang berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU)
- c. Membantu anak-anak anggota yang menjadi yatim piatu disebabkan musibah dan kemalangan.
- d. Memberi apa-apa sumbangan material yang tiada peruntukan oleh tabung-tabung lain secara "one-off".

3. **PEMULANGAN WANG**

Mana-mana anggota yang telah membayar caruman kepada tabung ini, sekiranya tiada tuntutan oleh anggota berkenaan, koperasi bolehlah mengembalikan wang caruman ini setelah ditolak sebanyak 60% daripada jumlah yang dibayar. Manakala baki caruman ini yang dibayar akan dikekalkan didalam tabung ini.

4. **PENGUATKUASAAN POTONGAN  
TABUNG TABBARUK PERLINDUNGAN ANGGOTA-ANGGOTA**

Mesyuarat Lembaga telah bersetuju bahawa potongan Tabung Tabbaruk Perlindungan Anggota-anggota ini akan dilaksanakan **mulai OKTOBER, 2018**.

Sehubungan itu, kerjasama saudara/saudari adalah diharapkan untuk menyebarkan maklumat diatas kepada anggota mengikut kawasan masing-masing. Kerjasama saudara /saudari didahului dengan ucapan terima kasih. Saudara/i juga dipelawa melayari laman web Koperasi dialamat [www.kospeta.org](http://www.kospeta.org) untuk memuat turun borang-borang atau mengetahui perkembangan terkini Koperasi Kospeta.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

  
**TUAN HAJI PISSAL BIN ABU**, BKM, PJK, PPL  
Setiausaha  
Koperasi Kospeta Malaysia Berhad